

Hadi tunggu tindakan UMNO

UM 18 APR 2001

KUALA TERENGGANU 17 APRIL - Timbalan Presiden, Pas Abdul Hadi Awang menegaskan beliau hanya akan menunggu tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh UMNO berhubung dengan Amanat Haji Hadi.

"Kita tunggu tindakan selanjutnya. Sekarang kita tak tahu proses mana yang dia nak ambil," ujar Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut mengenai keputusan UMNO yang akan mengkaji bentuk tindakan terhadap Abdul Hadi yang masih mempertahankan amanat yang diucapkannya 20 tahun lalu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam berkata, langkah itu akan diambil demi memastikan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang memutuskan amanat tersebut bercanggah dengan Islam dihormati oleh rakyat.

Kenyataan Dr. Mahathir itu merujuk kepada kenyataan Abdul Hadi sehari sebelumnya bahawa beliau akan meneruskan ceramah mengenai amanat itu di semua negeri jika diundang.

Bagaimanapun Naib Presiden Pas, Mustafa Ali yang memper-tahankan pendirian Abdul Hadi berkata, tidak berbangkit soal untuk terus menghidupkan amanat itu dengan kesediaan untuk berceramah.

"Tetapi ia sebenarnya untuk menjelaskan persoalan di antara yang benar dan yang batil. Sememangnya menjadi kewajipan kita untuk menerangkan," ujar Mustafa.

Menurutnya, sekiranya benar Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1986 telah memutuskan bahawa amanat itu bercanggah dengan ajaran Islam dan prinsip dakwah Islamiah, ia sewajarnya dibentangkan kepada umum.